

KUKTEM terkenal Soft Skill

Bagi menjana kemahiran pelajar

Oleh ALI MAHMOOD

KOLEJ Universiti Kejuruteraan dan Teknologi (KUKTEM) yang bakal mendapat nama baru iaitu Universiti Malaysia Pahang membuktikan kewujudan universiti itu di Pahang member erti yang sangat besar bukan sahaja kerajaan Persekutuan tetapi memberikan manfaat kepada kerajaan dan rakyat Negeri Pahang sendiri.

Sebagai sebuah universiti berteraskan kejuruteraan dan teknologi KUKTEM membuktikan ia mampu melahirkan graduan sebagai modal insan yang berkualiti, berhemah dan berkemahiran tinggi.

Ini dapat dibuktikan daripada 364 graduan sulungnya itu hanya tiga bekas pelajar yang memilih untuk tidak bekerja manakalan selebihnya sudah memasuki dunia pekerjaan dan alam perniagaan.

Bagi Rektomya, Profesor Datuk Dr.

Mohamed Said Mat Lela, ia adalah satu perkembangan yang cukup positif dan membuktikan kelahiran KUKTEM adalah relevan dan mampu memenuhi kehendak kehendak industri.

Bagi memastikan setiap graduan nya yang dilahirkan itu bukan sahaja berkualiti dan berkemahiran tinggi tetapi mempunyai keterampilan yang unggul supaya mampu menjadi modal insan yang bertaraf dunia.

Sehubungan KUKTEM kini memberikan penekanan Soft Skill sebagai modul penting dan diwajibkan untuk memperkasakan pelajar-pelajar universiti bagi meningkatkan komunikasi.

Menurut Profesor Dr. Mohamed Said, Soft Skill adalah salah satu elemen baru bagi menjana kemahiran pelajar menguasai komunikasi supaya mereka merasa yakin dan mampu mencapai kejayaan apabila memasuki dunia pekerjaan.

"Setiap mahasiswa yang berjaya

menamatkan pengajian mereka dengan cemerlang tetapi masih dianggap gagal jika tidak mempunyai Soft Skill kerana mereka tidak pandai bercakap dan diwajibkan kepada semua mahasiswa di IPTA," kata beliau.

Sebelum itu Mustapha yang diiringi oleh Rektor KUKTEM, Prof. Datuk Dr. Mohamed Said Mat Lela menghadiri majlis berbuka puasa bersama-sama pelajar dan kakitangan KUKTEM.

KUKTEM adalah antara universiti awam terawal yang sudah melaksanakan program Soft Skill telah menunjukkan impak yang baik kepada para pelajar yang telah mengikuti kursus itu.

Program itu akan dipantau dari semasa ke semasa dalam tempoh setiap enam bulan supaya modul tersebut mampu memenuhi matlamat bagi melahirkan mahasiswa yang berkualiti dan mampu komunikasi dengan baik.

KUKTEM juga akan bekerjasama

rapat dengan sektor industri bagi membina jaringan yang akrab agar bidang pendidikan dapat melakukan perubahan yang terancang bagi melahirkan tenaga kerja yang mahir berasaskan sains dan teknologi dengan memberikan penekanan kepada aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan supaya dapat memenuhi keperluan industri.

Prof. Dr. Mohamed Said Mat Lela berkata hubungan itu amat penting bagi membolehkan negara ini terus bersaing dalam ekonomi global yang semakin kompetitif dan mencabar.

Katanya, bagi memenuhi keperluan pihak industri, kerajaan menerusi Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) telah menekan aspek pembangunan modal insan yang berasaskan pengetahuan dan kemahiran sains dan teknologi, bioteknologi, teknologi maklumat dan komunikasi serta R&D.